

CABARAN, PENGORBANAN 'FRONTLINERS' DIKONGSIKAN



FORUM Frontliners : 'The Untold Sacrifices', yang disiarkan secara maya, menerusi media sosial Facebook dan Instagram Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Oktober. - Pelbagai cabaran dilalui sepanjang berkhidmat dalam sama-sama membantu Kementerian Kesihatan, seperti cabaran dari segi operasi, sumber, komunikasi juga peribadi.

Dari segi operasi, pada awalnya Sukarelawan Belia ditubuhkan secara serta merta dengan niat

demi membantu Kementerian Kesihatan dalam sama-sama membendung wabak COVID-19.

Selain itu juga, mereka perlu berhubung bersama Menteri-menteri dan sentiasa menjaga Prosedur Operasi Standard (SOP).

Perkara tersebut, antara yang disentuh dalam Forum Frontliners :

'The Untold Sacrifices', yang disiarkan secara maya, menerusi media sosial Facebook dan Instagram Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, baru-baru ini.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) dan Pengasas Bersama Sukarelawan Belia, Awang Md. Haziq Hisyam bin Md. Zaki menjelaskan, pelbagai agensi juga badan-badan bukan kerajaan yang juga turut serta dalam menjayakan operasi sukarelawan ini dan mengambil masa yang agak lama dalam berkhidmat, demi membantu masyarakat juga meringankan beban Kementerian Kesihatan.

Mengenai sumber pendapatan bagi menubuhkan sebuah operasi itu, jelasnya, ia bukanlah sesuatu yang percuma, di mana segala sumber turut diperlukan, seperti makanan dan minuman, tempat operasi, penghawa dingin, mesin pencetak, komputer dan sebagainya, di samping turut bekerjasama bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang memberikan banyak sokongan kepada sukarelawan belia.

Manakala, dari segi komunikasi, tambahnya, perlu ada 'hitam dan putih' dalam setiap operasi yang dijalankan juga pembahagian tugas, yang juga ada kalanya turut menghadapi masalah perhubungan. Pihak National Disaster Control, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Bomba dan Penyelamat juga turut sama membantu para sukarelawan.

"Cabaran yang dihadapi turut berubah dari semasa ke semasa dan harus mempunyai solusi secepatnya. Akhir sekali ialah berkaitan dengan urusan peribadi, di mana ia turut menguji mental, fizikal dan rohani. Mujur, para sukarelawan mempunyai semangat *bekarikh, bejarih, belurih*," ujarnya lagi.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong

Sementara panel forum seterusnya, Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Kamru Salam bin Yusof pula menyentuh mengenai persoalan *qudwah* dan pengorbanan yang diajarkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menangani cabaran sebagai *frontliners* dan ia bersangkutan paut dengan perkara akidah juga kefahaman.

Dari segi *mindset*, jelasnya, kita harus tahu yang Allah Subhanahu Wata'ala sebenarnya akan menguji hamba-Nya agar semakin dekat dengan-Nya atau sebaliknya semakin jauh daripada Allah. Sesuatu perkara itu, bila ia susah untuk dilaksanakan, maka semakin besarlah pahala yang akan diperoleh juga sentiasa berusaha dan yakin.

"Hakikatnya, *frontliner* akan dapat banyak pahala jika disertakan dengan niat dan akidah yang betul. Diibaratkan, seperti bakul yang berlubang, yang akan ditembusi air kerana ia berlubang, begitu juga jika tiada iman di hati, maka pahala tak melekat.

"Orang yang mendoakan petugas barisan hadapan dapat pahala. Tetapi jika niat jadi petugas barisan hadapan tidak betul, hanya semata-mata kerana ingin mendapat pangkat atau penghargaan, maka ia sesuatu yang merugikan. Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan ihsan dalam segala perkara," katanya lagi.

Terdahulu, beliau menjelaskan, *frontliner* bererti orang yang berada di barisan hadapan dan bermakna ada yang berada di belakang barisan juga, oleh itu, ia bergantung pada situasi tertentu.

Manakala, yang dimaksudkan di dalam konteks forum ini ialah orang yang berdepan bersama pesakit dan berkhidmat untuk masyarakat. Tambahan pula, di dalam Islam, kita tidak boleh membiarkan orang

yang sakit bersendirian dan sebaliknya perlu kita rawat.

Perkataan '*frontliner*' itu memang ada sebenarnya di dalam kehidupan sehari-hari kita, iaitu orang-orang yang berdepan dengan menolong menyelamatkan nyawa orang lain juga berisiko tinggi bagi keselamatan diri mereka sendiri. Oleh itu, mereka ini merupakan orang yang beroleh perahala yang besar.

Sewaktu zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, pernah berlaku penyebaran penyakit secara berluasa, iaitu yang dikenali sebagai penyakit taun. Penyakit ini menguji golongan orang-orang yang beriman dan ia merupakan ujian tanda kasih sayang Allah.

Selain daripada penyebaran penyakit, perperangan juga memerlukan khidmat *frontliner* bagi membantu para sahabat yang terluka sewaktu perperangan.

Antara *frontliner* itu ialah Rufaidah binti Saad Al-Islamiyah, iaitu seorang Muslimah yang berkhidmat dengan sepenuh tenaganya merawat mereka yang terluka, termasuklah dalam perperangan, seperti Perang Badar, Perang Khandaq dan sebagainya. *Frontliner* wujud semenjak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi, bukan semata-mata semasa perperangan, tetapi juga di kehidupan sehari-hari.

Forum dipengerusikan oleh Awang Haji Mawardi bin Dr. Haji Morsidi, yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Syababul Iman.

Adanya perbincangan menerusi forum seumpama ini diharap mencapai objektif yang digariskan dan dapat memberi impak yang positif juga menimbulkan kesedaran, khususnya kepada masyarakat tentang pentingnya bekerjasama bersama para barisan hadapan.

4 bidang utama dikongsikan bersama peserta Kursus BSOM

Siaran Akhbar dan Foto : Shell LiveWIRE Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Oktober. - Seramai 52 peserta berjaya menamatkan Kursus 'Become A Successful Owner Manager' (BSOM), yang dianjurkan oleh Shell LiveWIRE Brunei secara maya, selama tiga hari, bermula 27 hingga 29 September 2021 lalu.

Bengkel ini dipimpin oleh Penasihat Perniagaan Shell LiveWIRE - Rangkaian dan Projek Perniagaan, Aziemah Daud.

Sebanyak sembilan penceramah dijemput untuk mengongsikan pandangan untuk memperluas pengetahuan keusahawanan kepada para peserta bengkel tersebut.

Salah seorang Penceramah BSOM menyatakan, bahawa sesi interaktif bersama para peserta memberi pengalaman yang menyeronokkan.

"Para peserta datang dari pelbagai latar belakang dan industri, masing-masing dengan visi dan pemikiran mereka sendiri, namun, cabaran bagi saya adalah menyampaikan pembentangan yang cukup sederhana dan menarik bagi semua orang. Beberapa taklimat telah disediakan sebelumnya dan ia membantu dalam membuat persiapan," jelas Hafiz Haslen dari Darussalam


Assets, yang dijemput sebagai Penceramah BSOM.

"LiveWIRE memberi saya ruang untuk memberikan taklimat saya, mengenai kemahiran dan pengalaman, di samping memastikan kesesuaianya dengan peserta. Mereka memastikan penceramah dan peserta berasa selesa dan ini membawa pada sesi yang sangat interaktif dan pengalaman yang sangat menggembirakan sebagai seorang penceramah," tambahnya lagi.

BSOM adalah inisiatif Shell LiveWIRE Brunei untuk menyokong usaha berterusan negara ke arah mempelbagaikan ekonomi dan mendorong penyertaan aktif bagi meningkatkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di peringkat tempatan.

Bengkel ini merangkumi empat bidang utama, iaitu Keusahawanan; Kewangan; Inovasi dan Peluang Keusahawanan; juga Penjenamaan, Produk dan Pemasaran.

Bengkel BSOM seterusnya akan diadakan pada Disember. Maklumat lebih lanjut boleh didapati di laman sesawang,



ANTARA peserta yang berjaya menamatkan Kursus 'Become A Successful Owner Manager' (BSOM), dianjurkan oleh Shell LiveWIRE Brunei secara maya, selama tiga hari, bermula 27 hingga 29 September 2021 lalu.

livewirebrunei.com/bsom atau e-mel ke enquire@livewirebrunei.com.

Shell LiveWIRE Brunei adalah syarikat pelaburan utama Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP),

bertujuan untuk membangun dan membimbing usahawan semasa juga masa depan.

Ia merupakan salah satu daripada komitmen BSP untuk memelihara dan mengembangkan

kecekapan, kemampuan juga daya saing perniagaan tempatan untuk kelestarian jangka panjang ekonomi sektor swasta Negara Brunei Darussalam.